

JASIN: SME Bank menyumbangkan lima unit komputer kepada Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka (PERPUSTAM) untuk di tempatkan di Perpustakaan Desa Chendrah, dekat sini.

Majlis penyerahan lima unit komputer itu disempurnakan Pengarah Bahagian Pemasaran dan Perhubungan Korporat SME Bank, Asbullah Adnan kepada Pengarah PERPUSTAM, Mohammed Aizam-muddy Mohamed Idris di perpustakaan berkenaan, baru-baru ini.

Asbullah berkata, penyerahan lima unit komputer itu sebahagian daripada sumbangan 15 unit komputer yang diserahkan bank berkenaan kepada perpustakaan di negeri ini.

"Sumbangan lima unit komputer ini diharap akan dapat memberi manfaat kepada penduduk Kampung Chenderah khususnya penjunjung perpustakaan berkenaan dalam usaha mendapatkan ilmu berasaskan teknologi dan maklumat (ICT)," katanya.

Hadir sama, Penolong Pengurus SME Bank, Ahmad Tamizi Abd Ghaffar dan Ketua Bahagian Gerakan Literasi Maklumat dan Zon Merlimau PERPUSTAM, Nurul Hidayah Che' Man.

Sementara itu, Mohammed Aizam-muddy berkata, komputer yang turut dilengkapi kemudahan internet itu akan membolehkan orang ramai khususnya

Perpustakaan Desa Chendrah sedia kemudahan internet

B/A 14/4/2011
MS 5.



PELAJAR menggunakan kemudahan internet di Perpustakaan Desa Chendrah.

pengguna mendapatkan maklumat dengan lebih cepat dan pantas.

"PERPUSTAM berterima kasih kepada SME Bank kerana sudi menyumbang-

kan komputer ini untuk di tempatkan di perpustakaan Kampung Desa Chenderah," katanya.

Seorang penduduk, Nabilah Mohd Zaid, 38, berkata

kemudahan komputer di perpustakaan itu dapat menggalakkan lebih ramai penduduk kampung datang ke situ.

Bagi Ridwan Abdullah,

28, komputer yang diterima oleh perpustakaan itu akan dapat memudahkan pengguna yang ingin mendapatkan maklumat dengan lebih selesa.